

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha terkini Kerajaan serta bukti kejayaannya bagi memulihkan kestabilan politik serta memantapkan ekonomi rakyat dan negara ketika berhadapan dengan cabaran wabak COVID-19 di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang amat ketara kepada ekonomi negara. Pertumbuhan KDNK bagi bulan Januari 2020 sehingga September 2020 telah menguncup sebanyak 6.4%.

2. Bagi membendung kesan pandemik COVID-19 tersebut ke atas ekonomi dan rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan ekonomi, iaitu:

- Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020;
- Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN TAMBAHAN) pada April 2020;
- Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Jun 2020; dan
- Inisiatif Tambahan Prihatin atau KITA PRIHATIN pada September 2020.

3. Pakej rangsangan ekonomi tersebut berjumlah sebanyak RM305 bilion atau kira-kira 20% kepada KDNK adalah antara pakej rangsangan yang terbesar di kalangan negara membangun.

4. Berdasarkan semua inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, keadaan ekonomi dijangka pulih tahun depan. Beberapa petunjuk terkini telah mula menunjukkan prestasi ekonomi yang lebih baik antaranya ialah:

NO SOALAN : 35

- a) Kadar pengangguran telah bertambah baik kepada 4.6% pada September 2020 berbanding 5.3% pada bulan Mei 2020;
- b) Prestasi Indeks Pengeluaran Sektor Pembuatan telah berkembang sebanyak 2.1% pada bulan September 2020 berbanding dengan penguncupan 2.1% pada bulan Ogos 2020; dan
- c) Nilai jualan sektor pembuatan juga telah mencatat peningkatan sebanyak 3.7% pada bulan September kepada RM121.2 bilion.

5. Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 telah diluluskan di Peringkat Dasar oleh Dewan Rakyat. Di samping itu, setakat Jam 3 Petang, 8 Disember 2020, Perbekalan 2021 bagi 17 Kementerian telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat.

6. Kerajaan percaya bahawa dengan pendekatan dan langkah bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan memelihara kesejahteraan rakyat yang diperkenalkan dalam Bajet 2021, keadaan ekonomi negara akan kembali kukuh, berdaya tahan dan mapan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Ini akan menyumbang kepada kestabilan politik.

Sekian, terima kasih.